

**DERAF PERATURAN AKADEMIK
PROGRAM DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Akademik Program Diploma Vokasional Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.2 Peraturan ini terpakai kepada pengajian sepenuh masa program DVM yang membawa kepada penganugerahan sijil dan diploma daripada LP/JPK/ILKS serta pengiktirafan daripada MQA.
- 1.3 Peraturan Akademik ini digubal dengan tujuan untuk menyelaraskan dan mentadbir semua hal-hal akademik dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- 1.4 KPM berhak untuk meminda sebarang peraturan dari semasa ke semasa.
- 1.5 Peraturan ini hendaklah dibaca bersama Kurikulum Standard Kolej Vokasional, Buku Panduan Pengurusan Murid (JPN), Buku Panduan Pengurusan Pelajar KV, Buku Panduan Penilaian Kolej Vokasional, Buku Panduan Kokurikulum, Akta Pendidikan Kebangsaan 1996 (Akta 550), Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652), Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) dan Buku Panduan Latihan Industri .

2.0 TAKRIFAN

“KPM”	Kementerian Pendidikan Malaysia
“BPTV”	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
“LP”	Lembaga Peperiksaan
“Program Diploma”	Pengajian selama dua tahun tiga bulan selepas memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di peringkat pra diploma.
“Program Pra Diploma”	Pengajian selama dua tahun untuk memenuhi syarat-syarat melanjutkan pengajian di peringkat diploma.
“DVM”	Kelayakan akademik dan vokasional peringkat diploma yang dianugerahkan kepada murid setelah berjaya memenuhi kriteria kursus pengajian yang ditetapkan di institusi.
“SVM”	Sijil Vokasional Malaysia - Kelayakan akademik dan vokasional peringkat pra diploma yang dianugerahkan kepada murid setelah berjaya memenuhi kriteria kursus pengajian yang ditetapkan di Institusi.
“Institusi”	KV, ILKA ILKS, dan IPTA.
“KV”	Kolej Vokasional Kementerian Pelajaran Malaysia
“ILKA”	Institusi Latihan Kemahiran Awam.

“ILKS”	Institusi Latihan Kemahiran Swasta.
“Kompeten”	Pencapaian tahap minima (nilai gred 2.67) bagi modul vokasional.
“KSKV”	Dokumen yang mengandungi standard kandungan, standard pembelajaran dan kriteria pencapaian bagi sesuatu program.
“Latihan Autentik”	Kaedah latihan berasaskan pekerjaan sebenar.
“Kursus Akademik”	Komponen mata pelajaran teras yang ditetapkan dan wajib dipelajari oleh semua murid/pelajar di institusi.
“Kursus Vokasional”	Komponen mata pelajaran vokasional yang ditetapkan oleh BPTV yang perlu dipelajari oleh murid/pelajar untuk membolehkan murid/pelajar memperoleh SVM dan DVM.
“Nilai Gred”	Nilai kredit yang diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
“Murid”	Merujuk kepada individu yang mengikuti pengajian Pra Diploma di Kolej.
“Pelajar”	Merujuk kepada individu yang mengikuti pengajian Diploma di Kolej.
“OJT”	<i>On Job Training</i> ialah latihan dalam suasana pekerjaan sebenar di agensi kerajaan atau swasta yang wajib diikuti oleh setiap pelajar selama tempoh 3 bulan setelah tamat semester 8 seperti terkandung dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV).
Latihan industri	Latihan Industri adalah satu latihan dimana murid/pelajar diberi pendedahan kepada suasana pekerjaan sebenar samaada di agensi kerajaan atau swasta pada semester pendek di semester 5 ,6 dan 7
“PNG”	Purata Nilai Gred ertinya nilai yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah jam kredit yang diambil dalam sesuatu semester.
“PNGA”	Purata Nilai Gred Akademik ertinya nilai yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah jam kredit yang diambil dalam sesuatu semester bagi subjek akademik.
“PNGV”	Purata Nilai Gred Akademik ertinya nilai yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah jam kredit yang diambil dalam sesuatu semester bagi modul vokasional.
“PNGKK”	Purata Nilai Gred Kumulatif Keseluruhan ertinya nilai yang ditentukan dengan membahagikan jumlah gred yang diperolehi(Akademik Dan Vokasional) dengan jumlah jam kredit yang telah diambil mulai semester pertama sehingga semester terkini.
“Institusi”	KV, ILKA, IPTA dan ILKS.

“PA”	“Penilaian Akhir ialah penilaian bertulis dan amali yang diadakan di akhir sesuatu semester. Penilaian dilaksanakan di institusi berpandukan instrumen, peraturan, garis panduan dan peraturan penskoran yang ditetapkan
“PB”	Pentaksiran Berterusan merujuk kepada penilaian bertulis dan amali yang diadakan sepanjang semester dan dikendalikan oleh institusi.
“Pentaksiran”	Semua bentuk proses pengumpulan maklumat untuk mendapatkan eviden bagi membuat keputusan tahap penguasaan prestasi murid/pelajar.
“PBE”	Pembelajaran berasaskan penghasilan produk atau penyediaan perkhidmatan bagi menghasilkan produk atau perkhidmatan yang boleh dikomersialkan.
“SE”	<i>School Enterprise</i> ertinya pendekatan pelaksanaan konsep keusahawanan berasaskan kurikulum bagi melahirkan teknousahawan yang berkemahiran dan menepati keperluan industri
“Semester Pendek”	Semester yang dilaksanakan di antara dua semester utama dengan durasi samada 3 atau 4 minggu
“Sistem Semester”	Sistem pengajian yang dilaksanakan di institusi.
“Transkrip”	Rekod (catatan) rasmi mengenai pencapaian dan kebolehan seorang murid/pelajar sepanjang program pengajian.
“Slip Keputusan Pentaksiran”	Dokumen rasmi yang mengandungi keputusan pentaksiran terperinci setiap semester sepanjang tempoh pengajian yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan.
“Slip Kemasukan Penilaian Akhir”	Dokumen rasmi yang membenarkan murid/pelajar untuk menduduki PA.
“Penangguhan Pengajian”	Penangguhan Pengajian ialah penangguhan yang diberi kepada murid/pelajar atas keputusan Jawatankuasa Pengurusan Akademik berdasarkan sebab-sebab tertentu.
“Penggantungan Pengajian”	Penggantungan Pengajian ialah hukuman oleh Lembaga Jawatankuasa Disiplin Kolej yang mengakibatkan murid/pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.
“Pemberhentian Pengajian”	Pemberhentian pengajian ialah hukuman oleh Lembaga Jawatankuasa Disiplin Kolej yang mengakibatkan murid/pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian disebabkan kes salah laku disiplin (Rujukan: Akta Pendidikan 550).
“Program”	Program pengajian yang ditawarkan di institusi
“Kursus”	Modul kurikulum bagi sesuatu program.

“Ketua Jabatan”	Individu yang dilantik sebagai ketua yang bertanggungjawab untuk mengurus sesuatu jabatan.
“Pensyarah Kursus”	Pensyarah bagi sesuatu modul dalam sesuatu program
“Senat”	Jawatankuasa Akademik yang bertanggungjawab di dalam hal-hal pentaksiran dan penilaian serta pengajian.
“Jawatankuasa Pengurusan Akademik ”	Jawatankuasa yang dilantik untuk bertanggungjawab dalam hal ehwal akademik dan vokasional.
“JPP”	Jabatan Pentaksiran dan Penilaian adalah jabatan yang bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan pentaksiran & penilaian di Kolej.
“Sijil & Diploma”	Penganugerahan yang dikeluarkan oleh KPM kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian dan memenuhi syarat bergraduasi.

PERATURAN AKADEMIK

3.0 KOMPONEN PENGAJIAN

Sistem pengajian program DVM dilaksanakan dalam sistem semester iaitu dua semester setahun. Institusi juga melaksanakan sistem semester pendek. Murid/Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian selama tempoh pengajian empat tahun tiga bulan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Pelaksanaan sistem Kolej Vokasional ditunjukkan dalam Jadual 1.

TAHUN	SISTEM PENGAJIAN	
	TAHAP	SEMESTER
3 BULAN		LATIHAN INDUSTRI (OJT) (12 MINGGU)
TAHUN 4	TAHAP 4 (DVM)	Semester 8
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar) (3-4 MINGGU)
		Semester 7
TAHUN 3	TAHAP 3 (DVM)	SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar) (3-4 MINGGU)
		Semester 6
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar) (3-4 MINGGU)
		Semester 5
TAHUN 2	TAHAP 2 (SVM)	SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 4
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 3
TAHUN 1	TAHAP 1 (SVM)	Semester 2
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 1 (3-4 MINGGU)
		Semester 1

Jadual 1

- 3.1 Bahasa Pengantar
- 3.1.1 Bahasa Pengantar adalah Bahasa Melayu.
- 3.1.2 Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar hendaklah mendapat kelulusan daripada KPM.
- 3.2 Pelaksanaan kurikulum mesti mematuhi KSKV yang telah ditetapkan oleh KPM. KSKV ialah kurikulum pendidikan dan latihan vokasional yang direka berpandukan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Komponen Vokasional di dalam KSKV digubal menggunakan garis panduan Standard Kompetensi Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard - NOSS*) Tahap Satu hingga Tahap Empat.
- 3.3 KSKV mengandungi dua komponen kursus iaitu Akademik dan Vokasional yang wajib diikuti terdiri daripada komponen teori dan komponen amali. Komponen kurikulum KV keseluruhan adalah seperti dalam **Jadual 2**:

Komponen Kurikulum Pengajian	Program Pra Diploma Peratus (Semester 1 – 4)	Program Diploma Peratus (Semester 5 – 8)
Akademik	30	20
Vokasional	70	80

Jadual 2 : Peratusan Jam Kredit Pengajian

- 3.4 Konsep kurikulum KV (Rujuk Lampiran I)

3.4.1 Komponen Vokasional

Komponen Vokasional merupakan komponen yang paling utama terdiri daripada modul teori dan amali. Murid/pelajar wajib mengikuti kursus teori dan amali berdasarkan program masing-masing.

3.4.2 Komponen Akademik

Komponen Akademik bagi Tahun 1 dan 2 mempunyai 6 kursus terdiri daripada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Matematik, Sains dan Sejarah.

3.5 Modul Teras Umum

Modul Teras Umum adalah komponen pengajian yang ditawarkan bagi memenuhi keperluan sesuatu program. Dua (2) modul teras umum tersebut ialah:

3.2.1 Employability Skills

Murid wajib hadir dan mendapatkan keputusan **kompeten** untuk Modul ES. Program ini dilaksanakan dalam semester pendek pada Tahap 1 dan Tahap 2.

3.5.2 Modul Insaniah

Pelajar wajib hadir di dalam modul ini. Modul insaniah dilaksanakan pada Tahap 3 dan Tahap 4.

3.6 Kokurikulum

Kokurikulum adalah aktiviti badan beruniform dan bukan beruniform yang dilaksanakan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Murid wajib menyertai aktiviti Kokurikulum pada tahun 1 dan tahun 2. Aktiviti kokurikulum dilaksanakan sepanjang Program Pra Diploma dan Diploma Vokasional.

3.7 Latihan Industri (OJT)

Latihan Industri adalah satu latihan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Murid/pelajar akan diberi pendedahan kepada suasana pekerjaan sebenar samaada di agensi kerajaan atau swasta pada semester pendek di semester 5, 6 dan 7. Latihan Industri wajib diikuti oleh setiap pelajar selama tempoh 3 bulan setelah tamat semester 8 seperti terkandung dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV). Pelaksanaan Latihan Industri dilaporkan sebagai **LULUS** atau **GAGAL**.

4.0 STRUKTUR PENGAJIAN

4.1 Pendaftaran Kursus

4.1.1 Pendaftaran kursus murid/pelajar baru:

4.1.1.1 Pendaftaran murid/pelajar baru akan diadakan pada awal semester satu. Murid/pelajar yang lewat mendaftar mestilah mendapat kelulusan khas daripada Jawatankuasa Pengurusan Akademik.

4.1.1.2 Murid/pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus selain daripada kursus yang ditawarkan kecuali mendapat kelulusan khas daripada Jawatankuasa Pengurusan Akademik.

4.1.1.3 Sekiranya murid/pelajar tidak mendaftar pada tarikh ditetapkan tanpa sebab maka dengan sendirinya tawaran tersebut adalah terbatal.

4.1.2 Pendaftaran kursus murid/pelajar sedia ada:

4.1.2.1 Semua murid/pelajar diwajibkan mendaftar pada awal setiap semester pengajian.

4.1.2.2 Murid wajib mengikuti semua modul kursus dalam pakej yang ditawarkan.

4.1.2.3 Penangguhan pengajian tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan khas daripada Jawatankuasa Akademik. ILKS perlu mendapat kelulusan KPM.

4.2 Takwim Pengajian Akademik

4.2.1 Tempoh Pengajian

Tempoh pengajian bagi murid adalah seperti berikut:

Program Pra Diploma dua tahun dengan dianugerahkan SVM; **dan**

Program DVM dua tahun dan mengikuti OJT selepas semester lapan di industri organisasi selama tiga bulan.

4.2.2 Takwim pengajian akademik adalah berdasarkan kepada perancangan *seperti di Jadual 3*.

Semester 1	
<i>Kuliah</i>	<i>14 minggu</i>
<i>Cuti Pertengahan Semester</i>	<i>1 minggu</i>
<i>Pentaksiran</i>	<i>3 minggu</i>
<i>Cuti Semester</i>	<i>1 minggu</i>
Semester 2	
<i>Semester Pendek</i>	<i>4 minggu</i>
<i>Kuliah</i>	<i>14 minggu</i>
<i>Cuti Pertengahan Semester</i>	<i>2 minggu</i>
<i>Pentaksiran</i>	<i>3 minggu</i>
<i>Semester Pendek</i>	<i>3 minggu</i>
<i>Cuti Semester</i>	<i>7 minggu</i>
<i>Jumlah</i>	<i>52 minggu</i>

Jadual 3

4.2.3 Sistem Semester:

4.2.3.1 satu (1) semester terdiri daripada 14 minggu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), dan tiga (3) minggu PA,

4.2.3.2 tiga (3) - empat (4) minggu semester pendek.

- 4.2.4 Pengisian semester pendek dalam semester satu hingga semester empat:
 - 4.2.4.1 murid wajib mengikuti Modul *Employability Skills* (ES) pada setiap semester pendek.
 - 4.2.4.2 pengukuhan dan penambahbaikan kompetensi murid/pelajar.
 - 4.2.4.3 Aktiviti kokurikulum.

- 4.2.5 Pengisian semester pendek dalam semester lima hingga semester tujuh:
 - 4.2.5.1 Projek Pelajar yang dilaksanakan di institusi, industri atau organisasi
 - 4.2.5.2 pelaksanaan konsep SE dan PBE dan/atau
 - 4.2.5.3 khidmat masyarakat dan lain-lain.

5.0 KELAYAKAN MURID/PELAJAR

5.1 KEMASUKAN

5.1.1 SYARAT UMUM KEMASUKAN PRA DIPLOMA

- 5.1.1.1 Dasar pengambilan murid adalah ditetapkan oleh KPM dari masa ke semasa. Pengambilan murid ke Kolej Vokasional adalah terbuka kepada calon yang memenuhi syarat kemasukan sebagaimana yang ditetapkan oleh KPM.
- 5.1.1.2 Pemilihan calon yang layak untuk kemasukan ke program pengajian dipilih dan diperakukan oleh KPM.
- 5.1.1.3 Tawaran kemasukan dan pengambilan murid dikeluarkan oleh BPTV, KPM.
- 5.1.1.4 Kemasukan murid baru ke institusi dibuat satu kali pada setiap tahun

5.1.2 SYARAT DAN TERMA KEMASUKAN

- 5.1.2.1 Pengesahan sijil – sijil akademik asal.
- 5.1.2.2 Menepati syarat umum dan khusus kemasukan.

- 5.1.2.3 Pemilihan calon yang layak untuk kemasukan ke program pengajian dipilih dan diperakukan oleh BPTV, KPM.
- 5.1.2.4 Kemasukan murid baru ke institusi dibuat satu kali pada setiap tahun.
- 5.1.2.5 Tidak terlibat dengan masalah penipuan, disiplin atau disabitkan kesalahan jenayah.

5.1.3 SYARAT KHUSUS KEMASUKAN DVM MENGIKUT KATEGORI KEPUTUSAN PRA DIPLOMA

- 3.1.3.1 Jawatankuasa Akademik institusi bertanggungjawab untuk memilih pelajar berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh BPTV, KPM. Kriteria akademik atau syarat kemasukan ke program diploma vokasional adalah berdasarkan keputusan keseluruhan pra diploma (tahun 1 dan 2) seperti berikut:
 - i. Lulus Bahasa Melayu KV
 - ii. (PNGK) \geq 2.00 bagi 6 Kursus Akademik
 - iii. Kompeten semua Kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67)
 - iv. Kompeten Modul *Employability Skills*

5.2 PENDAFTARAN

5.2.1 PROGRAM

- 5.2.1.1 Semua murid/pelajar diwajibkan membuat pendaftaran program yang ditawarkan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh pihak BPTV, KPM.
- 5.2.1.2 Pendaftaran program bagi murid/pelajar adalah diwajibkan setelah semester bermula atau pada tarikh yang telah ditetapkan. Pendaftaran lewat perlu mendapat kebenaran pihak kolej.
- 5.2.1.3 Murid/pelajar perlu mengikuti program pengajian dengan memenuhi syarat-syarat pengajian yang ditetapkan.

5.3 STATUS PENGAJIAN

5.3.1 KEHADIRAN

- 5.3.1.1 Murid/Pelajar wajib hadir di setiap pertemuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah ditetapkan bagi sesuatu kursus.

- 5.3.1.2 Pensyarah bertanggungjawab mencatat kehadiran setiap pelajar bagi setiap pertemuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan.
- 5.3.1.3 Kehadiran kurang 90% (tanpa sebab yang sah) dari jumlah jam pertemuan bagi sesuatu kursus boleh menyebabkan murid/pelajar berkenaan tidak dibenarkan menduduki Penilaian Akhir kursus berkenaan.
- 5.3.1.4 Pensyarah kursus perlu memohon dan memberi bukti bertulis kepada Jawatankuasa Akademik bagi menghalang pelajar yang mempunyai kehadiran kurang dari 90% (tanpa sebab yang sah) daripada menduduki Penilaian Akhir.
- 5.3.1.5 Jawatankuasa Akademik akan memutuskan status murid/pelajar yang dibenarkan menduduki Penilaian Akhir.

5.3.2 PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 5.3.2.1 Murid/pelajar boleh diberi status penangguhan pengajian dengan kelulusan BPTV, KPM.
- 5.3.2.2 Murid/pelajaryangdisahkansakitolehpegawaiperubatanhospital kerajaan/swasta boleh memohon untuk menangguhkan pengajian. Tempoh penangguhan adalah dua semester.
- 5.3.2.3 Permohonan untuk menangguhkan pengajian selain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbangkan oleh pihak kolej.

5.3.3 PENGGANTUNGAN PENGAJIAN

- 5.3.3.1 Murid/pelajar boleh diberi status penggantungan pengajian dengan kelulusan Jawatankuasa Lembaga Disiplin dan Jawatankuasa Akademik.
- 5.3.3.2 Murid/pelajar yang melakukan salah laku digantung pengajian oleh pihak institusi sebagaimana yang diperuntukan dalam peraturan sediaada

5.3 JAM KREDIT PENGAJIAN

5.4.1 Jam Kredit

5.4.1.1 Jam Kredit bermaksud pemberian dan pengakuan yang bersesuaian dengan proses pembelajaran yang telah dilalui oleh murid/pelajar. Secara umumnya proses pembelajaran selama 40 jam nosional selama 14 minggu dalam satu semester adalah bersamaan satu(1) jam kredit

5.4.1.2 Setiap program mempunyai jam kredit tertentu seperti yang terkandung di dalam silibus Program Diploma Vokasional Malaysia yang ditetapkan. Jumlah kredit minimum yang disyaratkan bagi setiap program di tahap diploma ialah 90.

5.4.2 Penetapan Jam kredit

5.4.2.1 Penetapan jam kredit bagi sesuatu kursus di kira berdasarkan jam belajar murid/pelajar (Student Learning Time, SLT) dibahagikan Notional Standard.

$$\text{Jam Kredit} = \frac{\text{Jumlah SLT}}{40}$$

5.4.2.2 SLT mengambil kira jumlah jam pertemuan rasmi (Face to Face, FTF), jumlah jam pembelajaran individu (Independent Learning Time, ILT) dan jumlah jam pembelajaran bagi aktiviti akademik yang dilaksanakan selepas sesi minggu pembelajaran di luar waktu pembelajaran rasmi (Others, O)

$$\text{SLT} = \text{FTF} + \text{ILT} + \text{Others}$$

5.4.3 Status Gagal

5.4.3.1 Murid/pelajar yang gagal dalam kursus akademik/kursus insaniah dibenarkan menduduki semulakursus tersebut **satu (1)** kali sahaja pada setiap tahap.

5.4.3.2 Murid/pelajar yang gagal dalam kursus vokasional dibenarkan menduduki semula kursus tersebut **satu (1)** kali sahaja pada setiap tahap.

- 5.4.3.3 Murid/pelajar yang mengulang mana-mana kursus hanya layak mendapat gred tertinggi C bagi akademik/Insaniah dan B- bagi kursus Vokasional yang diulang.

6.0 PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN

6.1 Peraturan Pentaksiran dan Penilaian

- 6.1.1 Pentaksiran Pra-Diploma (semester 1 hingga semester 4) adalah tertakluk kepada Buku Panduan Pentaksiran yang dikeluarkan oleh LP.
- 6.1.2 Pentaksiran program Diploma (semester 5 hingga semester 8) adalah tertakluk kepada Pelaksanaan Pentaksiran berasaskan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

6.2 Pentaksiran Berterusan (PB)

- 6.2.1 PB dilaksanakan sepenuhnya oleh institusi. PB dirancang, ditadbir, dinilai dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan.
- 6.2.2 Pentaksiran PB dilaksanakan oleh pensyarah yang terlibat secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

6.3 Penilaian Akhir (PA)

- 6.3.1 Penilaian Akhir dilaksanakan di peringkat institusi berdasarkan jadual pentaksiran yang ditetapkan yang ditetapkan serta mematuhi standard prestasi dan penjaminan kualiti penilaian akhir institusi.
- 6.3.2 PA dikendalikan oleh institusi dan penskoran dilaksanakan oleh pensyarah yang terlibat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 6.3.3 Murid/pelajar mesti mematuhi syarat untuk menduduki PA.
- 6.3.4 Sekiranya murid/pelajar tidak menghadiri PA dengan bersebab, murid/pelajar boleh menduduki PA semula tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Akademik.

6.4 Pemberatan PB dan PA

6.4.1 Program Pra Diploma

Kursus	Pentaksiran Berterusan		Penilaian Berakhir	
	Pemberatan	Pelaksanaan	Pemberatan	Pelaksanaan
Akademik	30%	Sepanjang semester	70%	Akhir semester
Vokasional	70%	Sepanjang semester	30%	Akhir semester

6.4.2 Program Diploma

Kursus	Pentaksiran Berterusan		Penilaian Berakhir	
	Pemberatan	Pelaksanaan	Pemberatan	Pelaksanaan
Insaniah	50%	Sepanjang semester	50%	Akhir semester
Vokasional	70%	Sepanjang semester	30%	Akhir semester

6.4.3 Kertas soalan PA (Teori) dimuat turun sekurang-kurangnya dua hari bekerja sebelum pelaksanaan.

6.4.4 PA (Amali) akan dimaklumkan oleh LP sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum pelaksanaan.

6.4.5 Jadual PA disediakan oleh LP sebulan sebelum pelaksanaan.

6.5 Kelayakan Menduduki Penilaian Akhir

6.5.1 Murid/pelajar perlu menyemak **Slip Kelayakan Menduduki PA** yang dikeluarkan oleh institusi dan disahkan Jawatankuasa Akademik.

6.5.2 Murid/pelajar perlu membawa Slip Kelayakan Menduduki PA.

6.6 Kes Luar Jangka

Murid yang terhalang menduduki PA atas sebab luarjangka dan munasabah boleh merujuk kepada Jawatankuasa Akademik untuk tindakan selanjutnya.

6.7 Penyelewengan Akademik

6.7.1 Murid/pelajar yang melakukan salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) .

Murid/pelajar tidak boleh melakukan mana-mana penyelewengan akademik berikut:

- (i) Menciplak / plagiat
- (ii) Menipu atau cubaan menipu dalam kerja kursus (Pentaksiran Berterusan) dan semasa Penilaian Akhir.
- (iii) Kes meniru adalah merujuk kepada perlakuan yang boleh diklasifikasikan seperti di bawah:

6.7.2.1 Membawa masuk atau keluar apa-apa bahan bertulis, bercetak, alat atau objek dari bilik Peperiksaan tanpa kebenaran Ketua Pengawas.

6.7.2.2 Memberi atau menerima apa-apa bahan bertulis, bercetak, alat atau objek yang dilarang daripada mana-mana pihak semasa peperiksaan dijalankan tanpa kebenaran Ketua Pengawas.

6.7.2.3 Melakukan perbuatan dengan apa cara sekali pun yang disifatkan sebagai tindakan meniru semasa ujian atau peperiksaan.

6.8 Keputusan Pentaksiran dan Penilaian

6.8.1 Keputusan Pentaksiran dinyatakan dalam bentuk Gred dan Nilai Gred (rujuk pada Jadual 4).

Sistem Gred Program Pra Diploma dan Diploma Vokasional Malaysia

Markah	Gred	Tahap Pencapaian Akademik		Tahap Kompetensi Vokasional	
		Nilai Gred		Nilai Gred	
90 – 100	A	4.00	Cemerlang	4.00	Kompeten Cemerlang
80 – 89	A-	3.67		3.67	Kompeten Baik
70 – 79	B+	3.33	Baik	3.33	Kompeten
65 – 69	B	3.00		3.00	
60 – 64	B-	2.67		2.67	
55 – 59	C+	2.33	Lulus	2.33	Belum Kompeten
50 – 54	C	2.00		2.00	
45 – 49	D+	1.67	Gagal	1.67	
40 – 44	D	1.33		1.33	
35 – 39	D-	1.00		1.00	
0 – 34	E	0.00		0.00	

Jadual 4

- 6.8.2 Slip keputusan pentaksiran program SVM akan dikeluarkan setiap semester oleh LP melalui institusi masing-masing.
- 6.8.3 Slip keputusan pentaksiran program DVM akan dikeluarkan setiap semester oleh institusi masing-masing.
- 6.8.4 Institusi berhak menahan Slip Keputusan Pentaksiran sekiranya murid/pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan.

6.9 Rayuan Keputusan Pentaksiran dan Penilaian

- 6.9.1 Kolej Vokasional akan mencetak dan mengeluarkan senarai keputusan penilaian bagi setiap kursus mengikut program.
- 6.9.2 Keputusan ini mesti dipamerkan untuk tempoh sekurang-kurangnya TUJUH (7) hari di papan kenyataan untuk semakan pelajar tertakluk kepada suatu tarikh tertentu yang ditetapkan oleh pihak Institusi.

6.9.3 Murid/pelajar boleh berhubung dengan pensyarah sekiranya ada kesilapan kepada gred yang diperolehi. Murid/pelajar boleh membuat Rayuan Keputusan Gred Mata Pelajaran keseluruhan dengan kebenaran pensyarah untuk dibawa ke Jawatankuasa Akademik. Tempoh rayuan ialah 2 minggu selepas keputusan diumumkan.

6.10 Transkrip

6.10.1 Transkrip diberikan kepada pelajar setelah tamat tempoh pengajian.

6.10.2 Murid/pelajar yang berhenti/diberhentikan dari institusi boleh memohon transkrip dengan kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh Institusi.

6.11 Pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

6.11.1 Keputusan pentaksiran murid di penghujung setiap semester di sertakan dengan PNG dan PNGK yang memberikan gambaran tentang pencapaian murid.

6.11.2 Rumus yang digunakan untuk mengira PNG dan PNGK adalah seperti berikut:

PNG (A)	$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Modul Akademik}}{\text{Jumlah Jam Kredit (Akademik) Diambil Dalam Semester}}$
PNGK (A)	$\frac{\text{Jumlah Purata Nilai Gred Akademik}}{\text{Bilangan Semester}}$
PNG (V)	$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Modul Vokasional}}{\text{Jumlah Jam Kredit (Vokasional) Diambil Dalam Semester}}$
PNGK (V)	$\frac{\text{Jumlah Purata Nilai Gred Vokasional}}{\text{Bilangan Semester}}$
PNG	$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Per Semester (Modul Akademik dan Vokasional)}}{\text{Jumlah Jam Kredit Diambil Dalam Semester}}$
PNGK	$\frac{\text{Jumlah Purata Nilai Gred Kumulatif (Modul Akademik dan Vokasional)}}{\text{Bilangan Semester}}$

6.12 Sistem Gred

Penentuan Gred adalah berdasarkan Sistem Gred seperti dalam **Jadual 4**.

6.13 Eviden

- 6.14.1 Eviden PB hendaklah disimpan oleh pihak institusi dan disimpan dalam fail murid/pelajar setelah **ditentukan oleh Jawatankuasa Akademik** dari tarikh pengumuman keputusan setiap semester.
- 6.14.2 Eviden PA program Pra Diploma hendaklah disimpan sehingga arahan daripada pihak LP diterima untuk dilupuskan/masuk dalam fail eviden murid.
- 6.14.3 Eviden PA Akademik (skrip jawapan calon) boleh dilupuskan selepas 4 bulan selepas keputusan dikeluarkan.
- 6.14.3 Eviden PA Vokasional (skrip jawapan calon) perlu disimpan dalam Fail eviden murid/pelajar untuk semakan JPK/MQA.

7.0 GARISPANDUAN PENETAPAN KEPUTUSAN UNTUK KENAIKAN SEMESTER PROGRAM SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (PRA-DIPLOMA)

7.1 Kriteria Bagi Keputusan Semester 1

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua enam (6) kursus akademik ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67)	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 2 Tanpa Syarat
2	Tidak Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus akademik.	Murid/pelajar perlu mengulang modul akademik yang tidak lulus pada semester dua (Menduduki semula Penilaian Akhir)

7.2 Kriteria Bagi Keputusan Semester 2 (Tahap 1)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua enam (6) kursus akademik ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67)	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 3 Tanpa Syarat
2	Tidak Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih matapelajaran akademik	Murid/pelajar perlu mengulang modul akademik yang tidak lulus pada semester tiga (Menduduki semula Penilaian Akhir)
3	Tidak Kompeten mana-mana modul Tahap 1 Vokasional (≤ 3 modul vokasional)	Murid/pelajar perlu mengulang modul Vokasional yang tidak kompeten dalam masa dua semester
4	Tidak Kompeten mana-mana modul Tahap 1 Vokasional (> 3 modul vokasional)	Murid/pelajar perlu mengulang Tahap 1 Pengajian (Termasuk Akademik)

7.3 Kriteria Bagi Keputusan Semester 3

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua enam (6) kursus akademik ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67). 	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 4 Tanpa Syarat
2	Tidak Mendapat Kepujian dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus akademik	Murid/pelajar perlu mengulang modul akademik yang tidak lulus pada semester empat (Menduduki semula Penilaian Akhir)

7.4 Kriteria Bagi Keputusan Semester 4 (Tahap 2)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	<ul style="list-style-type: none"> i. Lulus Bahasa Melayu KV dengan PNGK 2.00 ii. (PNGK) \geq 2.00 bagi 6 kursus Akademik iii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67) iv. Kompeten Modul <i>Employability Skills</i> 	Murid/pelajar dibenarkan Kemasukan Tanpa Syarat DVM
2	<ul style="list-style-type: none"> i. Lulus Bahasa Melayu KV ii. (PNGK) \geq 2.00 bagi 6 kursus Akademik iii. Tidak Kompeten mana-mana kursus Vokasional (\leq 3 kursus vokasional) 	<p>Pelajar dibenarkan Kemasukan Bersyarat DVM</p> <p>Pelajar perlu mengulang kursus vokasional yang tidak kompeten dalam masa 2 semester</p>

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
3	i. Lulus Bahasa Melayu KV ii. PNGK \geq 2.00 bagi 6 kursus Akademik iv. Tidak Kompeten mana-mana kursus v. Vokasional (> 3 kursus Vokasional)	Pelajar perlu mengulang kursus vokasional Tahap 2 dalam tempoh 2 semester dan boleh menyambung pengajian ke program DVM setelah kompeten dalam semua kursus vokasional tersebut (Mengulang Tahap 2 Vokasional)
4	i. PNGK < 2.00 bagi 6 kursus Akademik ii. Kompeten semua kursus vokasional Tahap 1 dan 2	Pelajar Tidak Layak DVM. Pelajar dibenarkan Kemasukan ke Tahap 3 SKM dan seterusnya ke Tahap 4 DKM setelah kompeten semua kursus vokasional Tahap 3
5	i. PNGK < 2.00 bagi 6 kursus Akademik ii. Tidak kompeten mana-mana kursus vokasional (\leq 3 kursus vokasional)	Pelajar Tidak Layak program DVM tetapi dibenarkan meneruskan pengajian ke Tahap 3 SKM dengan bersyarat iaitu perlu mengulang dan kompeten <u>secara serentak</u> kursus Vokasional Tahap 2 yang belum kompeten dalam tempoh 2 semester di dalam Tahap 3.
6	i. PNGK < 2.00 bagi 6 kursus Akademik ii. Tidak kompeten mana-mana kursus vokasional (> 3 kursus vokasional)	Pelajar Tidak Layak program DVM tetapi boleh dibenarkan meneruskan pengajian ke Tahap 3 SKM <u>setelah</u> kompeten Semua kursus Vokasional Tahap 2 dalam tempoh 2 semester (Mengulang Tahap 2 Vokasional).
7	Memenuhi syarat di dalam kes 1, 2 dan 3 tetapi Tidak Lulus Bahasa Melayu KV	Pelajar perlu Lulus Bahasa Melayu Ulangan di dalam tempoh 2 semester (Kohort 2012 dan 2013 sahaja)
8	Memenuhi syarat di dalam kes 1, 2 dan 3 tetapi Tidak Kompeten Modul <i>Employability Skills</i> Tahap 1 dan 2.	Pelajar perlu Kompeten Modul <i>Employability Skills</i> Tahap 1 dan 2 di dalam tempoh 2 semester

8.0 GARISPANDUAN PENETAPAN KEPUTUSAN UNTUK KENAIKAN SEMESTER PROGRAM DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA

8.1 Kriteria Bagi Keputusan Semester 5 (Tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia) (Tahap 3 SKM)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua kursus insaniah ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67).	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 6 Tanpa Syarat
2	i. Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus insaniah ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67).	Murid/pelajar perlu mengulang kursus insaniah yang tidak lulus pada Semester 6 (Menduduki semula Penilaian Akhir)

8.2 Kriteria Bagi Keputusan Semester 6 (Tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua kursus insaniah ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67).	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 7 Tanpa Syarat
2	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam mana-mana kursus insaniah Semester 6 (≤ 3 kursus insaniah Semester 6)	Murid/pelajar perlu mengulang modul akademik yang tidak lulus pada semester 7 (Menduduki semula Penilaian Akhir)
3	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus insaniah Semester 5 (Kursus Ulangan)	Tidak Layak DVM Bertukar Aliran Kemahiran
4	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam mana-mana kursus insaniah Semester 6 (> 3 kursus insaniah)	Mengulang Tahun 1 DVM (Tahap 3 SKM) atau Bertukar Aliran Kemahiran
5	Tidak Kompeten dengan Gred minima B- (PNGK 2.67) di dalam mana-mana kursus Vokasional Tahun 1 (> 3 kursus vokasional)	Mengulang Tahun 1 DVM (Tahap 3 SKM)

8.3 Kriteria Bagi Keputusan Semester 7 (Tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua kursus insaniah ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67).	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke Semester 8 Tanpa Syarat
2	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam mana-mana kursus insaniah Semester 7 (≤ 3 kursus insaniah Semester 7)	Murid/pelajar perlu mengulang modul akademik yang tidak lulus pada semester 8 (Menduduki semula Penilaian Akhir)
3	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus insaniah Semester 6 (Kursus Ulangan)	Tidak Layak DVM Bertukar Aliran Kemahiran

8.4 Kriteria Bagi Keputusan Semester 8 (Tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia)

BIL	KATEGORI KEPUTUSAN	TINDAKAN J/KUASA AKADEMIK
1	i. Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam semua kursus insaniah ii. Kompeten semua kursus Vokasional dengan Gred Minima B- (PNGK 2.67).	Murid/pelajar dibenarkan Meningkatkan ke OJT Tanpa Syarat
2	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam mana-mana kursus insaniah Semester 8 (≤ 3 kursus insaniah Semester 8)	Murid/pelajar perlu mengulang kursus insaniah yang tidak lulus (Menduduki semula Penilaian Akhir)
3	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam satu (1) atau lebih kursus insaniah Semester 7 (Kursus Ulangan)	Tidak Layak DVM Bertukar Aliran Kemahiran
4	Tidak Lulus dengan Gred minima C (PNGK 2.00) di dalam mana-mana kursus insaniah Semester 8 (> 3 kursus insaniah)	Tidak Layak DVM Bertukar Aliran Kemahiran
5	Tidak Kompeten dengan Gred minima B- (PNGK 2.67) di dalam mana-mana kursus Vokasional Tahun 2 (> 3 kursus vokasional)	Boleh Mengulang Tahun 2 DVM (Tahap 3 SKM)

9.0 Kedudukan Akademik Pelajar DVM

Pelajar DVM diberi taraf kedudukan akademik berdasarkan keputusan penilaian mengikut kategori seperti dalam Jadual 5.

KEDUDUKAN AKADEMIK	CGPA	Catatan
Kedudukan Baik (KB)	$CGPA \geq 2.00$	Lulus semua kursus Insaniah Kompeten semua Kursus Vokasional
Kedudukan Bersyarat (KS)	$CGPA \geq 2.00$	Tidak Lulus mana-mana kursus insaniah atau tidak kompeten mana-mana kursus vokasional Perlu Mengulang Kursus yang Gagal atau Tidak Kompeten
	$1.7 \leq CGPA < 2.00$	
Kedudukan Gagal (KG)	$CGPA < 1.70$ ATAU $GPA < 1.0$ Gagal di dalam Penilaian Ulangan Kursus Insaniah	Dicadang Bertukar Aliran Kemahiran

9.1 Keterangan Status Kedudukan Pelajar DVM

- 9.1.1 Pelajar yang mendapat Kedudukan Baik (KB), layak untuk meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- 9.1.2 Pelajar yang mendapat keputusan Kedudukan Bersyarat (KS) tetapi gagal mana-mana kursus insaniah perlu mengulangi penilaian kursus berkenaan. Pelajar DVM hanya boleh mengulangi penilaian sekali sahaja .
- 9.1.3 Pelajar yang masih gagal mana-mana kursus insaniah setelah menduduki penilaian ulangan adalah tidak layak untuk dianugerahkan DVM dan dicadang bertukar ke aliran kemahiran
- 9.1.4 Pelajar yang gagal mana-mana kursus vokasional boleh mengulangi penilaian kursus vokasional tersebut sehingga mendapat keputusan kompeten bagi sesuatu tahap kompetensi. Walaubagaimanapun, keputusan ini bergantung kepada kesediaan sesebuah Kolej Vokasional.

10.0 Status Bergraduat Pelajar DVM

KEDUDUKAN AKADEMIK	KETERANGAN	STATUS GRADUAT	STATUS PENGANUGERAHAN
Kedudukan Baik Graduat (KBG)	CGPA \geq 2.00 DAN Memenuhi syarat penganugerahan.	Tamat Pengajian dan Bergraduat	Layak
Kedudukan Bersyarat (KS)	$1.70 \leq$ CGPA $<$ 2.00	Tidak Lulus mana-mana kursus insaniah atau tidak kompeten mana-mana kursus vokasional Perlu Mengulang Kursus yang Gagal atau Tidak Kompeten	Layak Selepas Lulus Ulangan
	CGPA \geq 2.00		
Kedudukan Gagal (KG)	CGPA $<$ 1.70	Tidak Graduat	Ditamatkan Pengajian DVM atau Tukar Aliran Kemahiran

11.0 SYARAT-SYARAT PENSIJILAN SVM DAN DVM

- 11.1 SVM akan dikeluarkan oleh pihak LP kepada murid dengan memenuhi segala keperluan dan syarat ditetapkan seperti berikut:
- 11.1.1 Lulus Bahasa Melayu Kod 1104
 - 11.1.2 PNGK Akademik $>$ 2.00
 - 11.1.3 Kompeten semua modul vokasional
(Rujuk Lampiran 2)
- 11.2 Murid yang lulus Bahasa Melayu Kod 1104(setara) layak mendapat Pernyataan Keputusan Bahasa Melayu daripada LP.
- 11.3 Semua murid/pelajar layak mendapat slip keputusan penilaian setiap semester.
- 11.4 Semua pelajar yang tamat pengajian Diploma layak mendapat transkrip.
- 11.5 DVM akan dianugerahkan kepada pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dengan memenuhi segala keperluan dan syarat ditetapkan.
- 11.5.1 Memperoleh jumlah kredit yang ditetapkan
(Memperoleh CGPA 2.00 atau lebih pada semester akhir pengajian)
 - 11.5.2 Lulus semua modul Insaniah
 - 11.5.3 Kompeten semua modul vokasional
 - 11.5.4 Lulus OJT
 - 11.5.6 Bebas daripada tindakan tatatertib

11.5.7 Diperakui oleh Jawatan Kuasa Akademik Kolej Vokasional

11.6 Penganugerahan DVM dikeluarkan oleh LP.

11.6.1 Anugerah Platinum

Anugerah ini diberikan kepada pelajar semester akhir DVM sahaja yang mendapat **PNGKK 3.75** atau lebih yang akan dikeluarkan oleh Kolej masing-masing.

11.6.2 Anugerah Emas

Anugerah ini diberikan kepada murid/pelajar yang mendapat **PNGK 3.75** atau lebih pada setiap semester yang akan dikeluarkan oleh Kolej masing-masing.

12.0 GANTIAN SIJIL/TRANSKRIP

12.1 Permohonan transkrip/sijil gantian boleh dibuat oleh murid/pelajar kepada LP melalui Pengarah Kolej

12.2 Permohonan gantian hendaklah disertakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan seperti:

12.2.1 Transkrip/sijil yang rosak.

12.2.2 Laporan polis/akuan sumpah (kes hilang sahaja)

12.2.3 Kadar bayaran seperti dalam Jadual 5.

Salinan Transkrip	RM30
Salinan Sijil	RM 40
Salinan Skrol	RM50
Salinan Sijil Seterusnya	RM50
Salinan Transkrip Seterusnya	RM50
Salinan Skrol Seterusnya	RM100









Jadual 5: Senarai Kadar Bayaran

13.0 PERUNTUKAN AM


Buku Peraturan Akademik ini tertakluk kepada pindaan Akta Pendidikan Kebangsaan 1996 (Akta 550) dan juga pindaan dari semasa ke semasa

14.0 RUJUKAN YANG PERLU ADA

- 14.1 Buku Panduan Kokurikulum
- 14.2 Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV)
- 14.2 Kertas Kerja Konsep DVM
- 14.3 Buku Panduan Penilaian Kolej Vokasional
- 14.4 Buku Panduan Latihan Industri
- 14.5 Buku Panduan Pengurusan Murid
- 14.6 Buku Panduan Pengurusan Kolej
- 14.7 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

KONSEP KURIKULUM KV								
KOMPONEN VOKASIONAL (70%)						KOMPONEN AKADEMIK (30%)		
NOSS (JPK) TAHAP 1-4	+	PENSIJILAN LAIN	+	KEUSAHAWANAN	+	OJT	+	SUBJEK AKADEMIK & KOKURIKULUM
		  		SE		Wajib: 3 Bulan		Semester 1-4:
				PBE		PBE (In-House) Pilihan: *Semasa Cuti * Semester Pendek		<ul style="list-style-type: none"> * 6 Kursus Akademik * Employability Skills *Kokurikulum
								Semester 5 – 6 MODUL INSANIAH <ul style="list-style-type: none"> *Pendidikan Islam / Moral *Bahasa Mandarin / Arab *Professionalisma Pekerjaan *Pengurusan Kewangan *PLKN
KOMPONEN VOKASIONAL (70%)						KOMPONEN AKADEMIK (30%)		
NOSS (JPK) TAHAP 1-4	+	PENSIJILAN LAIN	+	KEUSAHAWANAN	+	OJT	+	SUBJEK AKADEMIK & KOKURIKULUM
		  		SE		Wajib: 3 Bulan		Semester 7 – 8
				PBE		PBE (In-House) Pilihan: *Semasa Cuti * Semester Pendek		MODUL INSANIAH <ul style="list-style-type: none"> *Keusahawanan * Tanggungjawab Pekerja Dan Kepenggunaan *Tamadun Islam * Pendidikan Kerjaya *Professionalisma Pekerjaan * PLKN

PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA (DVM), KPM



Rajah 1: Carta Alir Program Pengajian

Sebarang Pertanyaan Berkaitan Deraf Peraturan Akademik Kolej Vokasional Bagi Program Diploma Vokasional Malaysia boleh merujuk kepada :

Timbalan Pengarah
Pengurusan Akademik
Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. Tel. : 03-88845160
No. Faks : 03-88845195
E-mail : drarbatved64@gmail.com